

NABI MUHAMMAD SEBAGAI PEJUANG



[Bersempena dengan hari memperingati “Mawlid Nabi Syarif”
kita sajikan di sini buah pena Kiai Muhammad Isa Anshari.
Penganjur Islam Indonesia yang kebilangan, dari majalah
“Hikmah” Jakarta – P.K.]

(Oleh Muhammad Isa Anshari)

Telah menjadi kebiasaan, tiap-tiap bulan *Rabī‘ul Awal*,
kita meperingati Mawlid Nabi.

Memperingati, bukan merayakan.

Sesungguhnya, Mawlid Nabi, bukanlah hari raya, yang
wajib dibesarkan oleh kaum Muslimin dengan segala upacara
kerasmanian.

Mawlid Nabi, hanyalah mempunyai nilai peringatan, sebagai
tanda kesedaran kaum Muslimin atas jasa dan usaha
Nabi Muhammad (SAW) hampir empat belas abad yang lalu,
menegakkan kemanusiaan dan keadilan, membela agama suci
dengan pengorbanan dan perbuatan.

Seorang manusia besar, utama dan dipercayai (al- Amīn),
seorang pejuang sejati yang hidup meliputi segenap
cabang dan segi kehidupan manusia beragama dan bernegara.

Seorang Nabi, seorang Rasul, seorang panglima dan
pahlawan, seorang ahli politik, ketuanegara, seorang
diplomat, seorang hamba dan pesuruh Tuhan yang menyerahkan
seluruh hidupnya untuk memenuhi wajib, menunaikan derma
bakti kepada Tuhan yang Maha Kuasa.

Mawlidnya, hari lahirnya kita peringati, bukan kita

rayakan. Memperingati Mawlid Nabi, jangan sampai merupakan
‘Ubūdiyyah agama, kerana *bida‘ah* hukumnya.

Memperingati Mawlid Nabi, tidak dengan membaca berzanji
dan melagukan syair. Bukan dengan memuji rupanya dan
memperkatakan gagah tampannya.

Memperingati Mawlid Nabi, yang dapat menimbulkan bekas
dan jejak atau kesan ialah dengan cara memperingati sunnah
dan perjuangannya, jihad dan kehidupannya, perbuatan dan
pengorbanannya menegakkan agama Allah, membela agama Allah.

Itulah cara yang seutama-tamanya bagi umat Islam
terutama dalam menghadapi zaman jahiliah moden sekarang ini.

Tugasnya

Nabi Muhammad (SAW) dibangkitkan di tengah-tengah zaman yang gelap
gelita. Pada waktu segala benua dan semesta alam diselubungi
oleh kejahatan dan kezaliman yang tiada taranya. Dalam masa
keadilan ditentukan oleh pihak kekuasaan yang memerintah.

Iadilahirkan membawa suatu tugas suci, ialah
menegakkan agama, *litakunakalimah Allah hiyal ‘ulya*.

Menegakkan agama, meninggikan kalimah Allah, supaya mengatasi

segenap yang dapat dicapai oleh fikiran manusia.

Menegakkan agama, meninggikan kalimah Allah. Meliputi segenap segi kehidupan manusia. Di dalamnya termasuk susunan politik kerana kenegaraan, keadilan sosial, peraturan bermasyarakat dan nila-nilai budi dan rihani.

Menegakkan agama, meninggikan kalimah Allah, melepaskan sekalian Bani Adam dari perhambaan dan penindasan kezaliman. Itulah tugasnya. Itulah beban yang dipikulkan ke atas pundaknya.

Untuk menunaikan tugas dan memenuhi kewajiban beratitu, diri peribadinya—sahihnya, diperlengkapi dengan iman dan keyakinan. Iman dan keyakinan dibentengi oleh suatu falsafah sebagai daya kekuatan yang menggerakkan segenap batang tubuhnya, ialah falsafah jihad, falsafah perjuangan.

Falsafah jihad berisi dinamik, dinamik yang menggerakkan segala kemampuan dan kesanggupan yang ada, untuk memenangkan faham, iman dan keyakinannya.

Ajaran iman dan keyakinan agama mengajarkan kepadanya, bahawa tiada kemenangan dengan tidak ada perjuangan. Tiada ketinggian dengan tidak ada pengorbanan.

Ia menghadapi kekuasaan pemerintah Kafir Quraisy yang zalim, yang menegakkan kekuasaannya atas rakyat jelata dengan perkuasa kekerasan.

Menghadapi kekuasaan pemerintah Kafir Quraisy itu, langkah yang digunakannya bukanlah menyertai kekuasaan itu, atau ikut bersama-sama duduk dalam pemerintahan yang zalim itu.

Langkah yang digunakannya ialah menyusun barisan sendiri, menumbangkan kekuasaan Mahrajalela, menumbuhkan jemaah umat tawhid dan umat taqwa, dengan pengertian dan keyakinan.

Menyusun barisan umat Islam, membersihkan barisan itu dari anasir-anasir munafik bermuka dua, anasir-anasir yang ragu-ragu dan bimbang.

Pengertian dan keyakinan tawhid baginya ialah melakukan

hukum dan syariat Islam dalam masyarakat manusia. Pengertian dan keyakinan kepada Tuhan yang Maha Esa baginya ialah menggunakan undang-undang Ilahi dalam mengatur masyarakat umat manusia.

Perintah melakukan *Isrā'* dan *Mi'rāj* yang diberikan Tuhan kepadanya, tiadalah lepas dari penyusunan umat baharu, penyusunan barisan Muslimin yang berdisiplin waja.

Perintah *Isrā' dan Mi'rāj* yang dijalankannya, telah menambah iman dan keyakinannya, membulatkan tawhid dan taqwanya, mengakui kebenaran segala ajaran dan petunjuk Tuhannya.

Perintah *Isrā'* dan *Mi'rāj* yang dilakukannya, telah menimbulkan pilihan pembersihan dan saringan kepada umat pengikutnya, terpelanting dan tersingkirilah golongan yang ragu, golongan yang mundur segan maju tak berani, golongan yang bimbang dan hati bercabang dua.

Dengan tangkas dikatakannya kepada golongan yang ragu-ragu dan bimbang – jangan kamu Subhānahu Wa Ta'ālā ikut bersamaku, tinggal sahajalah dibelakang!

Keyakinan tawhid dan pengetahuan taqwa, menempatkan dirinya pada tempat yang diredhai oleh Allah, tidak ditempatkan dirinya pada tempat yang tidak diredhainya.

Keyakinan tawhid dan pengetahuan taqwa itu dijadikannya disiplin waja dan perkasa kepada umat pengikutnya.

Keyakinan dan pengertian yang demikian itu, tidaklah bergoncang dan bergoyang oleh segala tiupan duniawi yang menyilukan mata memandang.

Keyakinan dan pengetahuan yang itu, telah menyebabkan dia menolak tawaran pemerintah Kafir Quraisy, yang rela menyerahkan kekuasaan negara kepadanya asal sahaja dia berhenti berjuang menegakkan agama.

Keyakinan dan pengetahuan itu telah menyebabkan dia menolak tawaran pemerintah Kafir Quraisy, yang suka menyerahkan tampuk kekuasaan ekonomi seluruh negara kepadanya, asal dia berhenti dari perjuangan kalimah Allah.

Sesungguhnya, bukan kekuasaan negara dan tampuk ekonomi yang ditujunya!

Tetapi tegaknya agama dan kalimah Allah dalam masyarakat manusia. Keyakinan tawhid dan dasar perjuangan yang dijadikannya dasar dan sandaran kehidupan, mengharamkan dia menerima segala tawaran dan pujukan itu. Kerana terang ternyata memperkosa dasar dan keyakinan agama.

Dasar dan keyakinan agama baginya, ialah melepaskan umat manusia dari segala perhambaan serta penyembahan kepada arca dan berhala, batu besar dan kayu sakti. Memerangi segala kemungkaran dan kemaksiatan, membasmi Khurafat dan Syirik, mengembalikan wajah hidup menuju keredhaan Allah yang Maha Esa, itulah lapangan perjuangannya yang pertama.

Di bawah lindungan keredhaan Allah itu, memancarlah cahaya kehidupan kesejahteraan di dalam alam, menjelmalah ratu keadilan dalam masyarakat.

Maka berhadapan dengan keyakinan dan *tuntutan tawhid, taqwa* dan redha Ilahi itu, lenyap dan fana'lah dirinya, bulat-bulat diserahkan di bawah tilikan dan pengawasan Tuhan yang Maha Kuasa.

Memfana'kan diri sendiri, berhadapan dengan segala keyakinan agama dan keyakinan hidup – seperti yang diperintahkan oleh ajaran agama itu sendiri.

Dirinya hanyalah alat-alat dari cita-cita, alat dari faham. Sebagai alat dari faham rohani dan keyakinan hidup, dia menyediakan dan merelakan dirinya lenyap dan tenggelam dalam perjuangan, rosak dan binasa dalam perlawanan, mencari keredhaan Ilahi semata-mata.

Kesanggupan dan kemampuan berkorban dari pemimpin besar ini, menjadilah tauladan tinggi segenap umat pengikutnya, yang telah ikhlaskan dirinya menjadi hawariyyun pembela Nabi yang dicintainya.

Dengan umat yang telah rela dan ikhlas berserah diri itu, umat yang telah menyatakan ikrar dengan kesungguhan hati

dan kebulatan budi, hidup membela dan menegakkan agama sempurna, dengan umat yang demikian itulah, Nabi Muhammad (SAW) berhijrah dari Mekah ke Madinah. Berhijrah dengan tekad dan semangat hendak menyusun masyarakat Islamiah, masyarakat yang berdasarkan muhibbah dan marhamah.

Pengisytiharan negara Islam di Madinah yang diucapkan sendiri oleh Nabi yang mulia itu, mendorong isi segala sendi dan syarat bagi terbentuknya masyarakat muhibbah dan marhamah itu.

Dalam seluruh kalimah pengisytiharan itu, tersusunlah jaminan sosial dan falsafah politik yang tinggi dan dalam, jaminan atas hak-hak asasi manusia dalam perikatan hidup dalam alam kekeluargaan.

Dalam menyusun perekonomian dan membangunkan kemakmuran hidup segenap anggota masyarakat, Rasulullah (SAW) telah meninggalkan jejak yang semarak dalam sejarah kenegaraan manusia, iaitu tauladan utama. Sebagai ketua negara, ia sungguh-sungguh telah memberikan contoh yang dapat dipakai oleh segala ketua negara zaman kita, ialah hidup sederhana.

Cara hidupnya yang sangat sederhana, sesuai dengan ajaran agama Islam. Ia menolak ke tepi kepentingan dirinya sendiri, mengutamakan kepentingan masyarakat rakyat banyak.

Sebagai ketua negara, ia tidak semahu-mahunya menggunakan wang negara untuk kepentingannya dan kesenangannya sendiri. Baginya, kepentingan dan kesenangan adalah terletak pada kemakmuran rakyat dan berlakunya keadilan dalam masyarakat.

Ia menjauhkan dirinya dari kemewahan hidup.

Ia mencintai rakyat jelata, fakir dan miskin, kaum pekerja dan kaum buruh, dengan pengertian mengangkat darjat mereka ketingkat yang lebih mulia, sesuai dengan masa keadilan dan panggilan kemanusiaan.

Membangunkan masyarakat teratur, tidak didasarkan kepada memilih golongan dan kasta dalam masyarakat tetapi didasarkan kepada muhibbah dan marhamah.

Masyarakat yang berdasarkan muhibbah dan marhamah ialah masyarakat yang cinta dan setia. Masyarakat yang menempatkan tiap-tiap peribadi berguna untuk pembinaan dan keselamatan umat tiap-tiap peribadi menjadi: *Rahmat li al-'Ālamīn*.

Masyarakat yang berdasarkan marhamah ialah masyarakat yang bersendikan tauhid dan taqwa, masyarakat yang di dalamnya berjalan undang-undang Ilahi, berdasarkan al-Quran dan al-Hadis.

Cita-cita kemasyarakatan yang demikian itu, tidaklah mungkin didatangkan dengan lagu dendang sayang. Memuji keindahan dan kesempurnaan agama Ilahi. Dia tidaklah datang dengan sekadar sorak surai yang bergemuruh dan bergempita di muka ramai, dia tidaklah datang dengan ucapan yang berapi di atas mimbar.

Masyarakat yang demikian itu, adalah hasil dari

perjuangan yang teratur dan tersusun, perjuangan yang didukung oleh keyakinan dan iman agama, berdasarkan tauhid dan bersendikan taqwa.

Maka ditengah-tengah zaman jahiliah moden seperti sekarang ini, di tengah-tengah gegak gempita sogan semboyan, di tengah simpang siur pemandangan hidup manusia zaman kita, pejuang Islam, Mujahidin Muslimin yang telah memilih dan menempatkan dirinya sebagai umat pengikut Nabi Muhammad (SAW) sewajarnya pula merelakan dirinya memenuhi panggilan Allah dan Rasulnya. Menegakkan agama sebagai pelaksanaan keyakinan dan iman dalam erti yang seluas luasnya.

Rasulullah *ṣallā Allāh 'alaihi wa sallam* sebagai pejuang telah memberikan contohnya.

Tempah dari sekarang

Lebih cantik dari dahulu

Kalendar Aneka Warna 1956

Kalendar aneka warna tahun 1955 telah mendapat sambutan yang luar biasa – sebabnya kerana perbuatannya bagus, berwarna warni.

Untuk tahun 1956 Aneka Warna menghidangkan lagi kalender yang lebih bagus – dicop lebih sempurna dan menarik – gambarnya cukup hebat berwarna warni – dicetak di atas kertas yang baik – berkulit dengan bentuk yang menimbulkan rasa gembira dan berkenan. Perbuatannya dijamin baik dan bagus sedang harganya harga \$1.00 untuk Singapura – pos lain – beli berkodi lain harganya.

Jika ada ahli-ahli perniagaan yang mahukan namanya dicetak di dalamnya pesanan hendaklah sekurang-kurangnya 500 naskhah silalah berhubung terus kepada:

Penguasa,

QALAM

356 & 358 Geylang Road, SINGAPORE, 14.

Tempah dari sekarang supaya jangan kehabisan. Wakil- wakil penjual Qalam diminta menempahnya dari sekarang supaya permintaannya dapat dicukupkan kelak tidak seperti tahun yang lepas – banyak yang tak mendapatnya.